Kata-kunci:
Alam
Makhluk / Ciptaan
Amanah
Kebesaran

Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

13 November 2026 / 3 Jamadilakhir 1448H

Tadabbur Alam Menerusi Ayat-Ayat *'Kauniyyah'*

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. ٱللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ ٱللَّهِ، ٱتَّقُوا ٱللَّهَ. قَالَ تَعَالَى فِي التَّنْزِيلِ: يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita pancaindera yang sentiasa mengingati-Nya dan mensyukuri segala nikmat **ciptaan**-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Pernahkah kita memandang langit yang terbentang luas, mendengar kicauan burung, atau menikmati hembusan angin, lalu bertasbih menyaksikan **kebesaran** Allah?

Ada antara kita yang mengingati Allah s.w.t. ketika solat, membaca Al-Quran atau mendengar ceramah agama. Namun, tidakkah ciptaan Allah yang terhampar di sekeliling kita juga mengundang kita untuk merenungi kebesaran-Nya?

Renungkan firman Allah s.w.t. dalam Surah Ali ‘Imran, ayat 190:

إِنَّ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٠﴾

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya pada **penciptaan** langit dan bumi, serta pertukaran malam dan siang, terdapat tanda-tanda (**kebesaran** Allah) bagi orang yang berakal.”*

Inilah yang dikenali sebagai *ayat-ayat kauniyyah*, iaitu tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. yang dapat kita renungi melalui **ciptaan**-Nya. Setiap **makhluk** menjadi bukti **kebesaran** al-Khaliq, Tuhan yang Maha **Pencipta**.

Saudaraku,

Marilah kita hayati tiga pengajaran tentang hubungan insan dengan **alam** berpandukan neraca iman.

Pertama: Melihat alam sebagai makhluk yang <u>bertasbih</u>

Allah s.w.t. berfirman dalam Surah Al-Isra’, ayat 44:

وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ

Yang bermaksud: *“Dan tiada sesuatu pun (**makhluk**) melainkan bertasbih memuji-Nya, tetapi kamu tidak memahami tasbih mereka.”*

Bayangkan, pepohon yang menghijau, sungai yang mengalir, bahkan **makhluk** sekecil-kecilnya, semuanya bertasbih kepada Allah dengan cara yang tidak kita fahami.

Apabila menyedari hakikat ini, mampukah kita sewenang-wenangnya merosakkan **alam**? Ternyata, **alam** bukan sekadar sumber untuk dipergunakan, tetapi **ciptaan** Allah yang turut mengagungkan-Nya. Memeliharanya bererti menghormati **ciptaan** Allah, manakala merosakkannya pula seolah-olah menghentikan deras tasbih para **makhluk** terhadap Allah s.w.t.

Kedua: Bermuhasabah terhadap <u>kerosakan</u> alam

Allah s.w.t. mengingatkan dalam Surah Ar-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ

Yang bermaksud: *“Telah timbul kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia.”*

Wacana tentang **alam** sekitar pada hari ini kerap menekankan kesan buruk kapitalisme dan kemajuan teknologi yang pesat terhadap kelestarian **alam**. Dengan menghayati ayat ini, kita sedari bahawa krisis **alam** sekitar juga merupakan satu bentuk krisis rohani.

Apabila insan kurang menghayati dan menghargai tanda **kebesaran** Allah menerusi **alam** semesta ini, dia lebih berpotensi menyebabkan kerosakan **alam** sekitar, dan lebih buruk lagi melalui cara yang tidak terkawal.

Oleh itu, pemeliharaan **alam** bermula dengan muhasabah diri. Adakah gaya hidup kita mencerminkan kesyukuran, atau menyumbang kepada pembaziran dan kerosakan?

Ketiga: Menunaikan amanah sebagai khalifah di bumi

Benar, dalam Surah Al-Baqarah, ayat 30, Allah s.w.t. menggelarkan manusia sebagai khalifah di bumi. Namun, kita harus fahami bahawa peranan ini bukan sekadar suatu kemuliaan, tetapi juga **amanah** yang perlu ditunaikan.

Oleh itu, setiap daripada kita sebagai khalifah, di medan kita yang tersendiri, mulakanlah dengan perubahan sederhana. Elakkan pembaziran, kurangkan perbelanjaan yang tidak perlu, dan berjimatlah ketika menggunakan sumber, termasuk air ketika berwuduk, sesuai dengan panduan Rasulullah s.a.w.

Usahlah memandang remeh tentang perkara ini. Setiap tindakan mencerminkan kesedaran kita terhadap **amanah** yang Allah berikan, demi kesejahteraan generasi seterusnya.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Alam yang kita diami ini bukan sekadar tempat kita menjalani kehidupan, tetapi hamparan tanda **kebesaran** Allah. Semakin

kita menghayati dan memikirkan **ciptaan**-Nya, semakin bertambah keimanan dan rasa tanggungjawab kita terhadapnya.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita hati yang peka terhadap tanda-tanda **kebesaran**-Nya, serta membimbing kita menjadi hamba yang mensyukuri nikmat dan memelihara **amanah ciptaan**-Nya. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُوْلُ قَوْلِي هَذا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الغَفُوْرُ الرَّحِيْم.

Khutbah Kedua

الحَمْدُ للهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانتَهُوا عَمَّا نَهَاكُم عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَال فِي كِتَابِهِ العَزِيزِ: إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ المَهْدِيِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَن بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعَهُم وَفِيهِم بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلمُؤْمِنِينَ وَالمُؤْمِنَاتِ، وَالمُسْلِمِينَ وَالمُسْلِمَاتِ، الأَحْيَاءِ مِنهُم وَالأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا البَلَاءَ وَالوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالمِحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَن بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ البُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ العَالَمِينَ. اَللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِيْنَ فِي غَزَّة وَفِي فِلِسْطِينَ وَفِيْ كُلِّ مَكَانٍ

عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنيَا حَسَنَةً، وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالعَدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي القُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الفَحْشَاءِ وَالمُنكَرِ وَالبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَاذكُرُوا اللهَ العَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِن فَضْلِهِ يُعْطِكُم، وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.